

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD

KAWASAN : LIPIS

SOALAN:

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan dan tarikh dapat disiapkan untuk Projek Central Spine Road Lipis-Raub-Bentong, Jalan Benta-Jerantut dan Jalan Lipis-Kerambit-Jerantut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek Jalan Central Spine (CSR) dari Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 341.8km telah diluluskan secara berperingkat mulai RMKe-10. Pelaksanaan projek bernilai RM6.6 bilion itu dipecahkan kepada 6 pakej pembinaan, iaitu seperti berikut:

- Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km);
- Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
- Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (84.3km);
- Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
- Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
- Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Keutamaan Kerajaan ialah untuk membina pakej 3 (Merapoh ke Kg. Relong) dan pakej 5 (Bentong ke Raub). Pada masa kini sepanjang 37.5km jalan baru atau 10% dari jarak keseluruhan projek CSR telah siap dibina, iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Kechur, Kuala Lipis. Manakala dua sub pakej di Kuala Lipis lagi sedang dalam peringkat pembinaan, iaitu laluan dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai, Kuala Lipis (3.85km, dirancang siap pada bulan Oktober 2016); dan laluan dari Merapoh ke Kg. Kubang Rusa, Kuala Lipis (14km, dirancang siap pada bulan Mac 2018). Di samping itu pembinaan

laluan CSR melibatkan Mentara ke Merapoh, Kuala Lipis sepanjang 5.8km dijangka akan dimulakan pada bulan April 2016 ini.

Bagi fasa pembinaan dari Bentong ke Raub pula, projek yang kini sedang dalam peringkat pembinaan ialah melibatkan laluan dari Kg. Asap ke Kg Sertik, Karak (5.8km, dirancang siap pada November 2017). Manakala 2 lagi sub pakej Bentong - Raub, iaitu sepanjang dan 10.4km dan 12.3km masing-masing dijangka akan dimulakan pada bulan April 2016 dan Julai 2016 ini. Baki laluan CSR yang lain akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat sepanjang tempoh RMKe-11 ini (2016 - 2020), tertakluk kepada peruntukan yang diterima daripada Agensi Pusat.

Mengenai projek menaik taraf Jalan Benta – Jerantut, dan Jalan Lipis – Kerambit – Jerantut, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua projek berkenaan tidak termasuk dalam senarai kelulusan Agensi Pusat untuk dilaksanakan dalam tempoh Rolling Plan Pertama (2016 – 2017), RMKe11. Walau bagaimanapun kementerian ini akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Pahang bagi menentukan keutamaan projek-projek berkenaan untuk cadangan permohonan kepada Agensi Pusat dalam Rolling Plan Kedua (2018 – 2019), RMKe-11.

Sekian, terima kasih.